ملتقى
سلطان شرف الدين إدريس شاه الحاج
MULTAQA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ

RESOLUSI MULTAQA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ:

“LEGASI KESULTANAN SELANGOR DALAM MEMPERKASA ISLAM DI ALAM MELAYU”

1. **Memartabatkan Kedaulatan Institusi Kesultanan Selangor**

Menegaskan komitmen untuk mempertahankan kedaulatan dan kewibawaan institusi Kesultanan Selangor sebagai tonggak pemerintahan Raja Berperlembagaan serta kedudukan DYMM Sultan Selangor sebagai Ketua Agama Islam Negeri. Kedudukan ini hendaklah terus dipelihara sebagai amanah perlembagaan dalam mempertahankan kesucian agama Islam, menjamin kestabilan negeri dan memelihara kesejahteraan rakyat.

2. **Memperkukuh Tadbir Urus Institusi Agama Islam**

Menyokong pemerkasaan institusi pentadbiran agama Islam Negeri Selangor melalui pengukuhan tadbir urus yang berintegriti, profesional, telus dan berdaya tahan. Usaha ini hendaklah dilaksanakan melalui penyelarasan fungsi institusi, peningkatan kompetensi kepimpinan serta pemantapan akauntabiliti, selaras dengan aspirasi DYMM Sultan Selangor dan Hala Tuju Kelestarian Hal Ehwal Islam Selangor.

3. Memelihara Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Memperkasa Institusi Fatwa

Menegaskan kepentingan memelihara pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai asas kesatuan umat Islam serta memperkukuh kewibawaan institusi fatwa sebagai rujukan hukum syarak yang berautoriti. Institusi fatwa hendaklah dipelihara daripada pengaruh politik kepartian dan diperkasa melalui penyelidikan ilmiah, pendidikan akidah serta penyampaian kefahaman agama yang sahih bagi menangani penyelewengan dan kekeliruan dalam masyarakat.

4. Memelihara Institusi Agama daripada Eksploitasi Politik Kepartian

Menegaskan bahawa masjid, surau, institusi fatwa dan agensi pentadbiran Islam hendaklah dipelihara daripada eksploitasi politik kepartian yang boleh menjejaskan kewibawaan dan fungsi asalnya. Institusi agama hendaklah terus berperanan sebagai pusat penyatuan umat, pendidikan, dakwah dan kebajikan dengan mengutamakan prinsip keilmuan, kesederhanaan, integriti serta kepentingan agama dan masyarakat mengatasi kepentingan kelompok.

5. Memperkasa Perundangan Islam dan Institusi Kehakiman Syariah

Menyokong usaha memperkukuh kedudukan undang-undang Islam dan institusi kehakiman Syariah melalui penelitian terhadap bidang kuasa, pemantapan kerangka perundangan serta peningkatan keberkesanan pentadbiran keadilan. Kerjasama strategik antara institusi Raja, pihak berkuasa agama, pakar perundangan dan ahli akademik hendaklah diperkukuh bagi memastikan keluhuran undang-undang Islam terus terpelihara selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan prinsip keadilan syarak.

6. Memartabatkan Institusi Raja sebagai Payung Keadilan dan Kebajikan Rakyat

Menegaskan peranan institusi Raja sebagai payung perlindungan, keadilan dan perpaduan seluruh rakyat dengan memelihara kedudukan agama Islam, bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera serta kepentingan sah kaum-kaum lain sebagaimana diperuntukkan oleh Perlembagaan. Pada masa yang sama, usaha memperkasa institusi zakat, wakaf dan kebajikan hendaklah dipertingkatkan bagi menjamin kesejahteraan rakyat, khususnya golongan yang memerlukan pembelaan.

7. Memperkukuh Pendidikan dan Penghayatan Sejarah Institusi Kesultanan Selangor

Menggesa agar pendidikan dan kefahaman masyarakat mengenai sejarah, kedudukan perlembagaan serta sumbangan institusi Kesultanan Selangor terus diperkasakan, khususnya dalam kalangan generasi muda. Usaha ini hendaklah dilaksanakan melalui pendidikan, penyelidikan, penerbitan dan pemanfaatan platform digital bagi menyemai kesetiaan yang berasaskan ilmu, memperkukuh jati diri serta melestarikan warisan kepimpinan Raja dalam memartabatkan agama, bangsa dan negara.

8. Memperkukuh Kesatuan Umat dalam Menghadapi Cabaran Kontemporari

Menyeru seluruh institusi agama, ilmuwan, pemimpin masyarakat dan rakyat agar memperkukuh kesatuan umat serta meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi cabaran kontemporari, termasuk penyelewengan akidah, ekstremisme, penyalahgunaan media sosial dan penyebaran maklumat agama yang tidak berautoriti. Cabaran ini hendaklah ditangani melalui pendekatan pendidikan, penguatkuasaan dan kerjasama strategik yang bersepadu, berteraskan prinsip kesederhanaan, kebijaksanaan dan kemaslahatan umum demi memelihara kesucian Islam, kedaulatan institusi Raja serta keharmonian negeri Selangor.

SEKIAN

TERIMA KASIH